

## Mengenal Pasti Perwatakan Ekstremis Melalui Disiplin Fiqh Ta'ayush

Detecting Extremist Characteristics through the Discipline of *Fiqh Ta'ayush*  
(Islamic Jurisprudence of Co-existence)

AHMAD MUNAWAR ISMAIL  
ABDUL MUHAIMIN MAHMOOD  
MOHD IZHAR ARIFF MOHD KASHIM

### ABSTRAK

*Perwatakan manusia normal biasanya boleh dilihat daripada beberapa aspek termasuk sifat, pemikiran, kepercayaan, pertuturan dan tindakan. Walau bagaimanapun, kepada ekstremis, perwatakan mereka sukar dikenal pasti dan hanya boleh dikenali setelah seseorang itu ditahan sebagai pesalah ekstrem. Oleh sebab itu, kehadiran kumpulan ini sering kali mengejutkan persekitaran. Situasi ini berlaku kerana kegagalan kita mengenal pasti elemen-elemen ekstrem yang ada pada individu terbabit walaupun sering kali dinyatakan oleh pihak berkuasa. Justeru, perbincangan artikel ini akan memberi tumpuan kepada proses mengenal pasti perwatakan ekstremis melalui disiplin fiqh al-ta'ayush, iaitu satu disiplin yang membahaskan hukum-hukum yang bersifat praktikal yang disusun berdasarkan sumber autentik Islam berkaitan hubungan manusia dengan manusia. Disiplin ini dibentuk melalui satu kajian yang menggunakan beberapa reka bentuk termasuk analisa kandungan, analisa dokumen dan temu bual separa berstruktur. Hasil analisa kajian menunjukkan disiplin fiqh al-ta'ayush yang telah disusun dengan betul dan dalam bentuk yang berstruktur berupaya membentuk disiplin yang membolehkan perwatakan ekstrem yang ada pada seseorang individu itu mudah dan boleh untuk dikenal pasti. Pengesanan watak melalui disiplin fiqh al-ta'ayush ini penting sebagai usaha awal untuk mencegah gerakan ini daripada terus merebak atau sekurang-kurangnya mampu mencegah diri kita, ahli keluarga kita dan masyarakat secara keseluruhan daripada terpengaruh dengan ideologi seperti ini. Pencegahan ini juga penting bagi membersihkan imej masyarakat Islam yang sering disalah faham dan dianggap sebagai fundamentalis, ekstremisme, radikalisme, dan keganasan yang memberi kesan Islamofobia dalam kalangan masyarakat antarabangsa.*

*Kata kunci: Islam; fiqh al-ta'ayush; ekstremisme; islamofobia; disiplin*

### ABSTRACT

*Normal human character can usually be observed from several aspects including disposition, thought, belief, speech and actions. However, the character of an extremist is difficult to identify and can only be known after a person is detained as an extremist offender. Therefore, the presence of this group often creates surprises in society. This situation occurs due to our failure to identify the extremist elements present in the individual involved even though the characteristics are often stated by the authorities. Hence, this article discusses extremism with focus on the process of identifying extremist characteristics through the discipline of fiqh al-ta'ayush, a discipline of knowledge that discusses practical laws compiled from authentic sources of Islam relating to human relations. This discipline was formed through a study that used several methods including content analysis, document analysis and semi-structured interviews. The results of the study show that fiqh al-ta'ayush, when correctly compiled in a structured form, can become a discipline that allows extremist characteristics of an individual to be easily identified. Early detection of extremism through fiqh al-ta'ayush is important as a first step in eradication to prevent this ideology and movement from continuing to spread or, at least to avoid ourselves, our family members and society as a whole from being influenced by such an ideology. Prevention is also important to clean up the image of Islamic society that is often tarnished and considered as fundamentalist, extremist, radical, and violent giving rise to Islamophobia in international society.*

*Keywords: Islam; fiqh al-ta'ayush; extremism; Islamophobia; discipline*

### PENGENALAN

Ekstremisme secara umumnya bermaksud fahaman yang melampaui batas atau perilaku yang tidak

adil (zalim) kepada individu, masyarakat, bangsa, agama termasuk diri pelaku itu sendiri. Tidak adil atau tidak saksama dalam konteks ekstremis ini boleh disifatkan sebagai tingkah laku yang

bertentangan dengan kebenaran khususnya dalam usaha mempertahankan perkara-perkara yang tidak benar. Ideologi ini sangat berbahaya kepada semua dan adalah suatu yang sangat dilarang dalam semua agama-agama besar di dunia termasuk agama Islam. Dalam Islam larangan ini boleh dilihat dengan jelas dalam beberapa ayat al-Quran antaranya seperti firman Allah SWT dalam surah Surah al-Ma'idah (5) ayat 77 yang bermaksud,

“...katakanlah: “Wahai ahli Kitab! janganlah kamu melampau dalam agama kamu secara yang tidak benar, dan janganlah kamu menurut hawa nafsu suatu kaum yang telah sesat sebelum ini dan telah menyesatkan banyak manusia, dan juga (sekarang) mereka telah tersesat (jauh) dari jalan yang betul...”

Dalam ayat lain Allah SWT turut menjelaskan melalui firmanNya dalam surah an-Nisa' (4) ayat 171 yang bermaksud,

“...Wahai ahli Kitab (Yahudi dan Nasrani)! janganlah kamu melampaui batas dalam perkara agama kamu, dan janganlah kamu mengatakan sesuatu terhadap Allah melainkan yang benar; sesungguhnya al-Masih Isa ibn Maryam itu hanya seorang pesuruh Allah...”

Kedua-dua ayat ini menunjukkan bahawa sikap melampau yang melanda umat terdahulu adalah berpunca daripada masalah akidah atau kepercayaan atau keyakinan yang melampaui batas, prilaku menambah ajaran yang tidak ada dan memaksa kepercayaan kepada suatu yang tidak sepatut dipercayai. Kaum Yahudi umpamanya, mereka mengatakan Uzair adalah anak Tuhan, sedangkan orang Nasrani mengatakan bahawa Nabi Isa a.s adalah anak Allah SWT. Kedua-dua kelompok ini telah menyeleweng daripada kebenaran yang dibawa oleh Rasulullah SAW (Ibn Kathir 1988). Al-Tabari (2000) juga menyatakan bahawa, ayat di atas menunjukkan amaran Allah SWT kepada kaum Nasrani supaya tidak melampaui batas dalam agama dan larangan Allah SWT daripada membicarakan perkara-perkara yang tidak benar mengenai agama seperti kisah dakwaan mereka tentang status Nabi Isa sebagai anak Allah.

Contoh-contoh prilaku melampau seperti ayat di atas lahir daripada fahaman yang terkeluar daripada ajaran agama dan menjadi punca kepada kewujudan permasalahan yang lebih besar dan berbahaya kepada individu, masyarakat, bangsa dan negara. Pemikiran dan kefahaman ini berpunca apabila nafsu manusia cuba membebaskan diri mereka daripada prinsip dan ajaran yang benar dan mentafsirkan prinsip-prinsip agama berasaskan rasional mereka sendiri yang liberal, bebas dan terbuka. Pergerakan

ideologi ini sukar dikawal dan dikenal pasti kerana pendekatan kumpulan ini digerakkan secara tertutup dan sifatnya yang berubah-ubah. Atas dasar ini jugalah punca berkembangnya ideologi ini masih belum dikenal pasti dan tindakan ke atas mereka masih belum dimuktamadkan. Umpamanya, perwatakan mereka kadang kala dilihat berimej agama dan membawa ajaran agama tetapi apa yang berlaku adalah sebaliknya. Mereka menggunakan agama untuk memenuhi kehendak dan kepentingan peribadi atau kelompok tertentu. Pergerakannya berlaku secara menyeluruh dan menyelusup masuk ke seluruh dunia. Teori penyebarannya panjang dan analoginya terus berkembang. Namun demikian, memberi gelaran-gelaran yang tidak munasabah kepada pendokong kumpulan ini daripada sudut perundangan juga adalah suatu provokasi yang bahaya yang boleh mencetuskan keadaan yang lebih buruk dan memberi ancaman kepada keselamatan negara dan antarabangsa. Oleh kerana itu, tulisan ini akan menghuraikan epistemologi ekstremisme dan bagaimana fiqh *al-ta'ayush* boleh memberi penyelesaian kepada masalah ini.

## EKSTREMISME

Meskipun ekstremisme ini bukan suatu yang baru dalam sistem sosial manusia, namun fahaman ini pada masa kini datang dalam keadaan yang lebih mengelirukan dengan sifatnya yang semakin sukar untuk dikenal pasti. Penebarannya lebih meluas, terancang dan tersusun. Perubahan pesat teknologi dan kepelbagaian media penyebaran juga menjadi faktor kenapa fahaman ini mudah menyelusup masuk ke seluruh dunia dan mempengaruhi bukan sahaja golongan bawahan bahkan termasuk cerdik pandai dan profesional. Situasi ini akan menjadi lebih buruk jika kita hanya duduk diam menunggu dan sesekali merasa terkejut melihat peristiwa demi peristiwa berlaku tanpa melakukan apa-apa tindakan. Sebaliknya usaha berterusan perlu difikir, diteliti, dirancang dan dilaksanakan bagi membendung fahaman ini daripada berterusan mengganggu fitrah dan kerukunan beragama manusia.

Memahami fahaman ini dari aspek Bahasa, ekstrem bermaksud pandangan yang melampau dan keterlaluan. Dalam bahasa Arab, ia ditakrifkan sebagai *furtah* atau *al-ifrat* yang bermaksud keterlaluan, melebihi had atau melampaui batas realiti. Ia juga Sinonim dengan maksud ghuluw al-tatarruf dan al-irhab yang merujuk kepada maksud keterlaluan (Ibn Faris 1979). Secara khusus al-

ghuluw bermaksud berlebihan atau melampaui batas yang telah disyariatkan (Lisan al-Arab 1994) atau berlebih-lebihan di dalam perkara dan bersikap ekstrem padanya dengan melampaui batas yang telah disyaratkan (Ibn Hajar 1988). Perkataan al-tatarruf pula berasal daripada perkataan al-tarf yang bererti berdiri di tepi ataupun jauh dari tengah. Ianya bermaksud berdiri di hujung atau pinggir atau lebih dikenali dalam Bahasa Arab moden sebagai radikal, ekstrem dan berlebihan. Al-tarf ini juga merupakan kata lawan bagi al-wasat bererti tengah dengan moderat yang memiliki makna baik dan terpuji (Ibn Hajar 1988). Manakala al-irhab bererti ketakutan dan kesusahan atau yang menunjukkan ketakutan atau merujuk kepada golongan tertentu yang membentuk gerakan secara tersusun untuk menyebarkan ketakutan bagi tujuan memberi kesan mendalam secara fizikal dan mental kepada golongan yang bertentangan dengan ideologi mereka (Al-Barudi 2006) atau sekumpulan manusia yang menggunakan kekerasan untuk meraih tujuan politik mereka (Ibrahim 1972). Dalam bahasa Inggeris, ekstrem disebut sebagai kewujudan sesuatu pada tahap yang tinggi manakala ekstremisme digambarkan sebagai sebuah ideologi yang melampaui batasan rasional dan realiti (Kartini et al. 2019). Fahaman ini mempunyai persamaan makna dengan istilah radikalisme, iaitu satu fahaman atau aliran atau kepercayaan yang menginginkan perubahan mendadak dalam arena politik dan sosial. Seseorang itu dianggap sebagai ekstremis apabila mereka memegang satu bentuk pandangan politik atau agama yang bersifat fanatik dan melampau seperti melakukan atau menyokong suatu tindakan yang ekstrem (Noresah 2007; Oxford Dictionary 2013).

Dari perspektif Istilah, ekstremisme merujuk kepada perwatakan yang lebih luas antaranya termasuklah sikap pelaku-pelaku politik dan agama yang melampaui batas dalam mempertahankan doktrin atau ideologi politik dan agama mereka (Elias Modern Dictionary 1913). Scarcella et al. (2016) merujuk fahaman ini sebagai pernyataan vokal berkenaan penentangan aktif terhadap nilai-nilai asas termasuk demokrasi, peraturan, undang-undang, kebebasan individu, toleransi dan hormat menghormati terhadap perbezaan agama dan kepercayaan. Situasi ekstrem ini sering kali diperlihatkan melalui luahan rasa benci dan penentangan keterlaluan terhadap elemen-elemen seperti perbezaan nilai dan kepercayaan, agama dan ideologi dan budaya dalam satu-

satu komuniti. Justeru, ekstremisme adalah satu ideologi yang memaksa satu persetujuan bersama tanpa menghiraukan keadaan yang lebih praktikal. Ia sering disampaikan dalam bentuk yang tidak diingini, perilaku yang buruk dan sifatnya yang selalunya menentang realiti. Seseorang yang ekstrem tidak akan bertoleransi dengan ideologi dan kepercayaan yang bukan daripada mereka dan kumpulan mereka. Individu dan kumpulannya ini juga memiliki kecenderungan untuk merosakkan individu, masyarakat dan institusi serta sering kali meninggalkan kesan negatif kepada masyarakat dan keselamatan negara. Kepercayaan-kepercayaan seperti ini lazimnya terjadi dalam bentuk keagamaan atau politik atau kombinasi kedua-duanya tanpa menafikan kewujudan fahaman ini dalam bentuk selain daripada keduanya seperti kaum, persekitaran dan lain-lain lagi (Levesque 2011; Willis 2011; Kartini et al. 2019).

#### EKSTREMISME DARI KACA MATA PENGKAJI ISLAM DAN BARAT

Tidak banyak perbezaan di antara kedua-dua perspektif ini jika melihat Ekstremisme dari sudut literal. Bagi sesetengah pengkaji Islam seperti al-Qardhawi (1990), mereka mentafsirkan ideologi ini sebagai suatu yang jauh daripada kesederhanaan. Ia sangat terasing dan terpencil daripada segala aspek termasuk, kandungan, pemikiran, tindakan, sikap dan kedudukannya dalam agama. Masyarakat yang terdedah dengan ideologi ini berada dalam situasi yang sangat berbahaya dan mampu memberi kesan yang buruk kepada diri sendiri, agama, bangsa dan keselamatan negara. Dalam Islam, tindakan ini datang daripada mereka yang gagal memahami prinsip Ahli Sunah Waljamaah dengan betul dan sahih. Ekstremisme sebagaimana yang ditafsirkan oleh IYRES (2017) pula ialah individu yang terlampau taasub dan keterlaluan dalam fahaman agama yang dipegang tetapi tidak mempunyai kefahaman yang jelas atas agama Islam yang dipegang olehnya terutamanya mengenai hukum dan akidah. Menurut Mohd Azam (2013), prinsip mereka ini jelas berlawanan dengan ajaran Islam yang menyuruh umatnya agar bersederhana dalam agama dan kehidupan. Kesederhanaan dalam Islam adalah paksi kepada seluruh prinsip termasuk akidah, syariah dan akhlak. Sarananyan disebut berulang kali dalam firman Allah SWT seperti dalam surah Al-Baqarah ayat 143 yang bermaksud,

“...Dan demikian pula Kami telah menjadikan kamu (umat Islam) umat pertengahan agar kamu menjadi saksi atas perbuatan manusia, dan adalah Rasulullah menjadi saksi (pula) atas kamu.

Ibn Kathir (1988) pada ayat ini menjelaskan, sesungguhnya Allah SWT Maha Mengetahui setiap keperluan manusia. Oleh sebab itu, kerjakan lah amal soleh dan jauhkan diri daripada perkara dan amalan yang boleh merosakkan orang lain kerana sesungguhnya Allah SWT tidak menyukai mereka yang membuat kerosakan kepada muka bumi. Bagi Abdul Malik (1984), ayat tersebut merupakan pengkisahan Allah SWT tentang sikap Yahudi yang berlebih-lebihan dalam mencari kekayaan harta benda untuk tujuan keduniaan dan sikap Nasrani yang berlebih-lebihan dalam soal akhirat sehingga melampaui nilai-nilai kemanusiaan. Sikap kedua-dua bangsa ini bukan hanya bertentangan dengan realiti kehidupan manusia malah tidak mampu diikuti oleh pengikut-pengikut mereka sendiri. Sehingga hari ini kedua-dua bangsa ini dikenali dengan amalan-amalan yang bertentangan dengan norma semula jadi manusia. Justeru, ayat ini memberi ingatan kepada umat Nabi Muhammad SAW agar bersederhana dalam semua amalan dan mengisi setiap keperluan diri dengan perkara-perkara yang diajar dan dibenarkan oleh syarak

Pandangan sebahagian pengkaji Islam ini dilihat hamper sama selari dengan apa yang dikemukakan oleh sesetengah pengkaji Barat seperti Roger Scruton dan Kennedy. Menurut mereka ideologi ini merujuk kepada satu kumpulan yang memiliki pandangan yang berlebih-lebihan, melampaui batas dan ganas dalam usaha mereka menyelesaikan sesuatu konflik atau untuk mencapai sesuatu tujuan. Lazimnya kumpulan ini memiliki satu ideologi sama ada berbentuk agama atau politik, kemudian memaksa ideologi mereka diterima dengan menggunakan pelbagai cara yang tidak praktikal, di luar kebiasaan dan bercanggah dengan hak asasi manusia. Kumpulan ini juga diketuai oleh pemimpin spiritual yang keras dan ahli-ahli yang memiliki pandangan yang sederhana tetapi mempunyai kecenderungan bersimpati dengan perjuangan kumpulan tersebut (Roger 1982; Kennedy 2011).

Berbeza dengan Mohd Roslan (2015), beliau menyatakan, ekstremisme adalah suatu yang subjektif. Ia bergantung kepada siapa dan di mana tafsiran itu dibuat. Dalam konteks Islam misalnya, ekstremisme bagi sesetengah pihak adalah kumpulan muslim bersenjata yang bertindak sebagai militan namun bagi sesetengah pihak yang lain kumpulan

ini disimbolkan sebagai pejuang agama seperti kumpulan yang berjihad menentang kezaliman dan ketidakadilan Barat atau pemerintah kepada mereka sebagaimana yang berlaku di Selatan Thailand, Mindanao, Filipina, Palestin dan Afghanistan. Pandangan ini selari dengan apa yang dikemukakan oleh Mohd Faizal (2017). Menurutnya, tafsiran sesuatu fahaman itu sangat bergantung pada siapa yang mentafsirkannya. Ia membabitkan banyak perkara termasuk politik, ideologi dan nilai-nilai moral ke atas orang lain serta melibatkan pelbagai isu seperti tuntutan, pandangan, tindakan, gerakan, perjuangan, pengajaran dan kegiatan. Daripada perspektif agama, ia bukan hanya berlaku dalam Islam bahkan turut berlaku dalam agama-agama lain seperti Kristian, Yahudi dan Hindu. Jelasnya lagi, ekstremisme adalah satu perbuatan yang melampau yang datang daripada pemikiran yang melampaui batas.

Pandangan pengkaji Islam ini juga hampir sama dengan pandangan pengkaji Barat seperti Bartoli, Andrea dan P. Coleman (2003). Menurut mereka, tidak ada tafsiran khusus kepada terma ini, seorang pejuang kemerdekaan yang mengangkat senjata bagi mendapatkan kebebasan dalam sesebuah negara jika dinilai dari sudut seorang pejuang kemerdekaan sudah tentu ia dianggap tidak ekstrem malah tindakan tersebut dianggap mulia. Namun jika dilihat dari sudut individu yang menentang perjuangan tersebut, maka perjuangan tersebut dianggap sebagai ekstrem dan turut dilabel sebagai pengganas. Lazimnya fahaman ekstrem ini boleh dilihat dari pelbagai perspektif termasuk kepercayaan, sikap, perasaan, tindakan dan strategi daripada seseorang individu atau satu kumpulan yang jauh melepasi daripada kebiasaan. Dalam konteks agama pula, Nikhil Kanade (2016) berpendapat, ekstremis sering memiliki ciri-ciri gabungan antara politik dan agama. Kumpulan ini menggunakan istilah jihad dalam konteks yang tertentu sehingga membawa kepada keganasan, peperangan dan penaklukan. Pernyataan yang dikemukakan Nikhil menunjukkan golongan ekstremisme menyalahgunakan nama Islam khususnya konsep Jihad untuk menyebarkan ideologi berbaur perpecahan dalam agama demi menghalalkan perancangan dan perbuatan golongan ini. Manakala dalam Scarcella, Page R, Furtado V (2016) menjelaskan maksud ekstremisme harus dibezakan dengan maksud terrorisme, fundamentalisme, radikalisme dan authoritarianisme meskipun pada dasarnya kesemua ini memiliki ciri-ciri dan prinsip-prinsip yang hampir sama. Jelasnya,

terdapat tiga kumpulan pandangan berkait tafsiran terhadap ideologi ekstremisme ini, iaitu,

1. kumpulan yang menyatakan ekstremisme sebagai sikap yang melampau dan melakukan penentangan secara aktif dan terang terhadap nilai-nilai asas termasuk demokrasi, undang-undang, kebebasan individu, toleransi agama dan hormat-menghormati terhadap perbezaan pandangan dan kepercayaan. Situasi ekstrem ini diperlihatkan melalui luahan rasa benci dan tentangan pelampau terhadap perbezaan nilai dan kepercayaan agama, ideologi dan budaya sesuatu masyarakat.
2. Kumpulan yang berpandangan bahawa ideologi ini bersifat subjektif meskipun cenderung kepada perilaku ekstrem. Ia bergantung kepada latar belakang pentafsir daripada pelbagai sudut termasuk tujuan dan matlamat satu-satu pentafsiran itu dibuat, atau di sebelah mana dan bagaimana pentafsiran itu dilakukan. Oleh sebab itu, bagi kumpulan ini, tidak ada satu tafsiran yang tepat yang boleh mewakili makna dan maksud ekstremisme secara keseluruhan.
3. Kumpulan yang mengaitkan secara langsung ideologi ini dengan agama. Menurut mereka, ekstremisme bukan ideologi yang ganas seperti radikalisme atau authoritarianisme tetapi memiliki ciri-ciri dan prinsip-prinsip yang hampir sama iaitu gemar menghalalkan suatu yang bertentangan dengan undang-undang dan kemudian menggunakan agama sebagai alasan dan jalan keluar untuk mengelak daripada dihukum atau dilabel sebagai salah dan sesat.

Daripada ketiga-tiga tafsiran ini, kita boleh dapati bahawa wujud sama ada secara langsung atau tidak langsung ciri-ciri khas yang dimiliki oleh pendokong-pendokong ideologi ini memandangkan kesemua tafsiran yang dikemukakan oleh pengkaji menunjukkan kepada suatu yang bertentangan dalam ideologi ini dengan ajaran agama khususnya ahli Sunah Waljamaah. Artikel ini seterusnya akan membahaskan bagaimana ciri-ciri tersebut boleh dikesan menggunakan salah satu daripada alat ukur yang telah disusun oleh ulama silam yang disebut sebagai *fiqh al-taayush*.

#### FIQH AL-TAAYUS'H

Seperti yang kita sedia maklum bahawa sifat kita sebagai seorang manusia tidak boleh lepas daripada dua sikap ini iaitu *act* dan *react* atau berprilaku dan

bereaksi terhadap perilaku. Dua sikap ini lah yang berada bersama dalam perjalanan hidup manusia ketika mereka memilih apa yang terbaik untuk dirinya sepanjang perjalanannya. Dalam perjalanan memilih ini manusia telah dihidangkan dengan pelbagai panduan, model dan modul kehidupan yang boleh dilihat secara terang dan jelas atau hanya boleh dilihat dengan mata hati dan keyakinan. Dalam hal ini, al-Quran menyediakan semuanya. Kisah-kisah baik untuk dijadikan panduan dan kisah-kisah buruk untuk diambil sebagai pengajaran. Panduan hidup dalam al-Quran dan hadis dihidangkan dalam keadaan yang menyentuh semua aspek dalam hidup dan mempunyai kaitan yang sangat signifikan dengan *act* dan *react* manusia. Di antara panduan yang telah disebut oleh ulama berkenaan hal ini adalah apa yang dirumuskan dalam disiplin ilmu fiqh *al-ta'ayush*, iaitu panduan dan kaedah bagaimana untuk beraksi terhadap diri sendiri apabila bereaksi terhadap orang lain khususnya yang bukan beragama Islam.

Tidak ada satu definisi lengkap berkaitan ilmu ini dalam kitab-kitab klasik (turath) kerana perbincangan ilmu ini secara umumnya bertaburan dan berasingan di dalam bab dan topik yang berbeza termasuk ilmu akidah, ibadah, muamalat, hal ehwal kekeluargaan, jenayah, tasawuf dan lain-lain tanpa mengkhususkannya di dalam satu bab atau kitab yang khusus (Muntaha Artalim 2017). Namun demikian, untuk memperolehnya bukanlah suatu yang sukar kerana terdapat beberapa ulama yang pakar dan berpengalaman dalam pengajian ilmu fiqh yang telah mengambil beberapa inisiatif untuk menyusunnya seperti Imam Abu Bakar Al-Khalal (1996) dalam kitab *Ahl al-Milal Wa al-Riddah Wa Tarik al-Shalah Wa al-Faraid Min Kitab al-Jami' li al-Khalal*, Zaidan, Abd al-Karim (1988) dalam bukunya *Ahkam al-Zimiyin Wa al-Musta'minin Fi dar al-Islam*, al-Qardhawi, Yusuf (1983) dalam bukunya *Dirasah Fiqhiyyah Muqaranah* dan lain-lain lagi.

Terma fiqh *al-ta'ayush* berasal daripada dua terminologi iaitu, fiqh yang bermaksud pengetahuan tentang hukum-hukum syarak yang bersifat amali (praktikal) yang tidak melibatkan perbincangan hukum berkaitan akidah dan *al-taayush* iaitu perkataan yang berasal daripada *al-'aish* yang bermaksud hidup dan memiliki konotasi linguistik hidup berdampingan (Ibn Manzur 1994; al-Mu'jam al-Wasit 1972) Para ulama juga telah memberikan beberapa takrifan berbeza terhadap terminologi *al-ta'ayush* ini (Ali Jum'ah 2011) antaranya, *al-*

*ta'ayush* dalam pengertian interaksi bersama pihak lain dalam semua bentuk kerjasama dan tindakan bagi membina sebuah kehidupan yang lebih positif dan saling lengkap melengkapi. Objektifnya adalah untuk memperolehi kemaslahatan bersama dalam semua perkara termasuk pemikiran, kemasyarakatan, politik, ekonomi, kebudayaan dan pendidikan (Qutb Sano 2006) dan kedua, *al-ta'ayush* dalam ertikata mengiktiraf kewujudan pihak lain dan berusaha untuk menerima kewujudan pihak lain sebagaimana seadanya mereka. Ia bermula dengan menghormati hak-hak sesuatu pihak dalam pelaksanaan pelbagai bentuk ibadah di dalam rumah ibadah termasuk hak-hak kepercayaan, tempat, dan simbol suci tanpa campur tangan dan pencerobohan antara satu sama lain (Ali Jum'ah 2011, Mona Jalaluddin 2006).

Terminologi fiqh dan *al-ta'ayush* ini membawa kita kepada satu kesimpulan bahawa fiqh *al-ta'ayush* merupakan satu disiplin ilmu yang membahaskan hukum-hukum yang bersifat amali (praktikal) yang diambil daripada dalil yang terperinci bagi setiap isu yang berbangkit berhubung interaksi hidup masyarakat Islam dan bukan Islam. Pengiktirafan Islam terhadap fitrah dan kepelbagaian manusia melalui konsep *al-ta'ayush* ini boleh dilihat melalui ciri-ciri berikut iaitu (Ali Jum'ah 2011; Mohammad Naqib et.al 2018; Ahmad Munawar dan Siti Madihah Kamaruddin 2020).

1. Islam adalah agama sejagat. Sifatnya adalah universal, peradabannya terbuka dan ajarannya responsif terhadap semua budaya daripada bangsa yang berbeza. Penjelasan sifat disebut dalam nas yang jelas dan qati'e (muktamad) sebagaimana yang terdapat dalam surah Saba', ayat 28. Dalam hal ini, Islam tidak memusatkan seluruh tamadun dunia di bawah satu peradaban. Interaksinya bersama tamadun yang berbeza sangat berhikmah dan tidak pernah menimbulkan konflik. Islam tidak memaksa peradaban lain berada di bawah satu bentuk tamadun semata-mata.
2. Islam memuliakan kejadian manusia. Dalam Islam, manusia adalah makhluk yang terbaik disisi Allah SWT (al-Isra' 17:70). Oleh sebab itu, Islam menyeru supaya umatnya menghormati semua manusia tanpa mengira agama, bangsa dan warna kulit. Umat Islam dilarang sama sekali mencela peribadi dan kepercayaan orang lain agar mereka juga tidak membalas dengan perbuatan yang seumpama dengannya kerana perbuatan tersebut akan meninggalkan kesan yang negatif kepadanya (al-An'am 6:108). Selain itu, hak untuk hidup secara aman dan damai merupakan hak keseluruhan manusia kerana Allah SWT telah mencipta dan memberikan manusia kehidupan di dunia ini tanpa membezakan hak antara manusia dan tiada diskriminasi antara jantina, warna kulit dan agama (al-Hujurat 49:13). Islam menganjurkan semua manusia agar melakukan kebaikan, menjauhi perkara buruk dan megelak dari melakukan kerosakan di permukaan bumi, termasuk melarang tindakan membunuh diri sendiri dengan apa jua alasan sekalipun.
3. Islam mengiktiraf perbezaan. Dalam Islam, setiap perbezaan yang berlaku dalam kalangan manusia adalah lumrah yang tidak boleh dielakkan kerana ianya berlaku dengan kehendak Allah. Kepelbagaian yang berlaku dengan ketentuan dan kehendak Allah SWT ini memberikan hak kepada semua manusia termasuk bukan Islam untuk dilindungi dan dihormati. Penjelasan mengenainya boleh dilihat dalam surah Hud ayat 119 hingga 118.
4. Islam menganjurkan kesederhanaan. Dalam Islam, seluruh manusia di dunia ini adalah umat Nabi Muhammad SAW. Umat ini kemudiannya diletakkan di bawah dua kategori iaitu pertama, ummah al-ijabah iaitu mereka yang mengikuti dan mentaati Rasulullah SAW dan kedua, ummah al-dakwah yang terdiri dari kalangan bukan Islam di mana orang Islam dituntut untuk menyampaikan dakwah kepada mereka. Dalam melaksanakan usaha-usaha dakwah ini, umat Islam dituntut supaya bersikap sederhana dan tidak melampaui batas, menghormati antara satu sama lain dan berusaha menjaga hak-hak yang mereka miliki tanpa diganggu dengan perbuatan yang bertentangan dengan sifat dan sikap yang dianjurkan. Jika sekalipun ada yang disakiti semasa kerja-kerja dakwah ini dijalankan, ajaran Islam tetap melarang umatnya membalas perbuatan tersebut dengan kekerasan dan keburukan. Sebaliknya, Islam menuntut supaya menerima perbuatan tersebut sebagai cabaran dan membalasnya dengan sesuatu yang lebih baik. Oleh sebab itu, semua kerja-kerja dakwah ke jalan Allah ini diklasifikasikan sebagai sebaik-baik amal. Dalam anjuran ini jugalah, syariat Islam menentang keras sebarang bentuk kekerasan dan pembunuhan membunuh ke atas orang bukan Islam atas sebab wujudnya berbeza agama. Sebaliknya Islam menggalakan umat

- Islam supaya berbuat baik kepada golongan bukan Islam, selama mana mereka tidak memusuhi dan memerangi Islam secara terang-terangan. Penjelasan mengenai hal ini boleh dilihat dalam firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 30, al-Baqarah ayat 90 hingga 195, surah Fussilat ayat 34, surah al-Nahl ayat 125, dan al-Ghashiyah ayat 21 hingga 22.
5. Islam mempertahankan kebebasan beragama. Dalam Islam, hak kebebasan beragama adalah dijamin. Allah SWT menyebutkan secara jelas perihal tersebut di dalam al-Quran bahawa tidak seorangpun boleh dipaksa supaya menganuti agama yang tidak diinginkannya. Penjelasan mengenai hal ini boleh dilihat dalam firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah, ayat 256, surah al-Kahfi ayat 29 dan surah Yunus ayat 99.

Berdasarkan prinsip yang telah dijelaskan di atas, apa yang boleh kita rumuskan adalah al-Quran telah menetapkan garis panduan bagaimana aksi dan reaksi kita bila berinteraksi dengan bukan Islam. Garis panduan ini merupakan jambatan yang dapat menghubungkan umat Islam dengan bukan Islam dan disokong banyak nas-nas al-Quran yang membentuk garis panduan ini, antaranya termasuklah firman Allah SWT dalam surah al-Hujurat ayat 13 yang bermaksud,

“...Hai manusia, sesungguhnya Kami menciptakan kamu dari seorang laki-laki dan seorang perempuan dan menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku supaya kamu saling kenal-mengenal. Sesungguhnya orang yang paling mulia diantara kamu disisi Allah ialah orang yang paling taqwa di antara kamu...”

Manakala dalam ayat yang lain dalam firman Allah SWT dalam surah al-Nisa’ ayat 1, yang bermaksud,

“...Hai sekalian manusia, bertakwalah kepada Tuhan-mu yang telah menciptakan kamu dari seorang diri, dan dari padanya Allah menciptakan isterinya; dan dari pada keduanya Allah memperkembang biakkan laki-laki dan perempuan yang banyak...”

Dan firman Allah dalam surah al-Baqarah ayat 285 yang bermaksud,

“...Rasul telah beriman kepada al-Quran yang diturunkan kepadanya dari Tuhannya, demikian pula orang-orang yang beriman. Semuanya beriman kepada Allah, malaikat-malaikat-Nya, kitab-kitab-Nya dan rasul-rasul-Nya. (Mereka mengatakan): Kami tidak membeda-bedakan antara seseorangpun (dengan yang lain) dari rasul-rasul-Nya...”

Kesemua ayat tersebut membuka pintu kepada penemuan orang Islam dengan bukan Islam dengan menegaskan bahawa orang Islam beriman dengan semua para rasul dan nabi yang diutuskan dan mempercayai bahawa inti semua risalah yang di bawa para nabi adalah sama tanpa wujud sebarang bentuk pertembungan dan percanggahan. Kefahaman yang jelas mengenai fiqh *al-ta’ayush* ini dan mempraktikkan prinsip-prinsip fiqh *al-ta’ayush* dalam amalan dan cara hidup berupaya memberi faedah yang besar bukan sahaja kepada diri sendiri bahkan masyarakat, bangsa, agama dan negara. Melaluinya, keharmonian kaum dan kerukunan beragama dalam sesebuah negara boleh dipelihara. Keharmonian dan kerukunan ini pula akan membuka ruang dan peluang kepada sesebuah negara membina tamadun yang berjaya sekaligus menaikkan martabat masyarakat Islam di mata masyarakat dunia. Melaluinya juga, masyarakat Islam tidak lagi dikenali sebagai golongan yang berfahaman sempit dan dangkal. Islam dapat ditonjolkan sebagai sebuah agama yang indah dan rahmat kepada seluruh manusia. Amalan ini juga jelas merupakan antara amalan yang dekat dengan Baginda SAW hatta Baginda sendiri telah disifatkan oleh Allah SWT sebagai seorang Rasul yang membawa rahmat kepada seluruh alam (al-Ambiya’ 21:107). Said bin Jabir dan Ibnu Abbas menyatakan bahawa Nabi Muhammad SAW adalah rahmat buat seluruh manusia sama ada orang Islam dan juga kafir. Bagi yang beriman dan membenarkan (menerima) ajaran Rasullullah SAW akan berbahagia, bagi yang tidak beriman dengan Rasullullah SAW pula mereka diselamatkan daripada ditimpa azab di dunia ini sebagaimana ditimpa umat-umat terdahulu (al-Qurtubi 2006).

#### FIQH AL-TA’AYUSH DAN IDENTIFIKASI PERWATAKAN EKSTREMISME

Perbincangan mengenai ilmu fiqh *al-ta’ayush* menunjukkan ada suatu yang sangat istimewa pada ilmu ini khususnya bagi umat Islam di negara-negara yang memiliki masyarakat majmuk seperti di Malaysia. Selain daripada mengajar manusia tentang tatacara hidup kebersamaan, ilmu ini juga mampu menjelaskan kepada kita mengenai watak-watak yang bertentangan dengan ilmu ini seperti ekstrem atau ghuluw. Indikator-indikator yang boleh dirumuskan daripada kefahaman ilmu ini juga secara langsung boleh membawa kita mengenal pasti sikap

atau perlakuan-perlakuan yang melampaui batas dan ketentuan sama ada daripada perspektif peraturan mahupun pun daripada perspektif kemanusiaan. Di dalam Islam, fahaman ini bukan sahaja bertentangan dengan prinsip-prinsip Ahli Sunah Waljamaah tetapi menghilangkan nilai kemanusiaan dan akhlak Islamiah bahkan mencemarkan sama sekali imej Islam sebagai agama yang membawa kepada perdamaian (Ahmad Munawar & Siti Madiah Kamaruddin 2020). Oleh itu, mempelajari ilmu fiqh al-ta'ayush tidak lagi dilihat sebagai alternatif bahkan menjadi satu kewajiban bagi umat Islam seperti kita di Malaysia. Ini kerana mempelajari ilmu ini sama lah dengan menekuni al-Quran dan hadis tentang hakikat sebenar hubungan kemanusiaan. Islam sebagai agama sejagat, kemuliaan kepada semua kejadian manusia tanpa mengira kaum, bangsa, agama dan warna kulit, pengiktirafan kepada perbezaan (bukan mengikut), anjuran kepada prinsip-prinsip kesederhanaan dan mempertahankan kebebasan beragama adalah intipati ilmu ini yang menjadikan manusia yang menekuninya menolak amalan-amalan yang bertentangan dengannya seperti merasakan Islam adalah untuk orang Islam, kemuliaan sesuatu kumpulan ke atas kumpulan yang lain, merasakan hanya diri sendiri yang benar, fanatik, keras dan amalan-amalan lain yang bertentangan dengan yang dianjurkan oleh Ahli Sunah Waljamaah. Firman Allah SWT dalam surah al-Maidah ayat 77 yang bermaksud,

“...Katakanlah (Muhammad), “Wahai ahli kitab, janganlah kalian berlebih-lebihan dengan cara yang salah dalam agamamu. Dan janganlah kalian mengikuti hawa nafsu orang-orang yang telah sesat terdahulu dan telah menyesatkan ramai orang, dan mereka sendiri tersesat dari jalan yang lurus...”

Di Malaysia, amalan fiqh *al-ta'ayush* ini selari dan menyokong kehendak Fasal (1) Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan bahawa Islam ialah agama bagi Persekutuan, namun agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan. Sungguhpun Islam merupakan agama rasmi di Malaysia, Fasal (1) Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan tetap menjamin hak kebebasan setiap orang di negara ini untuk menganuti agama masing-masing. *Al-Ta'ayush* dengan golongan bukan Islam di Malaysia juga mesti dilihat bersama dengan perihal [1] sejarah pembentukan Malaysia, penjajahan, kedudukan orang Melayu, perkembangan Islam, kontrak sosial, dasar pecah dan perintah, laporan Suruhanjaya Reid 1956-1957 dan perjuangan

kemerdekaan dan seumpamanya (Perlembagaan Persekutuan 2003). Jelasnya, bagi masyarakat Islam di Malaysia, garis panduan mengenai kaedah beraksi dan bereaksi terhadap semua manusia termasuk bukan Islam telah jelas lagi bersuluh. Adalah menjadi tanggungjawab kita agar semua sudut kehidupan harus dilihat dan semua aspek sensitiviti harus dijaga rapi bagi membolehkan kita semua bernafas dalam keadaan yang rukun dan harmoni. Kita tidak mampu untuk sempurna tapi kita boleh berusaha untuk menjadikan kesempurnaan satu bentuk realiti melalui kerjasama antara kita masyarakat Islam dan bukan Islam. Provokasi akan sentiasa berlaku. Konflik masih tetap akan berlaku. Perbalahan akibat daripada perbezaan pendapat tidak boleh kita elakkan. Namun, melalui kefahaman dan *fiqh al-ta'ayush*, hal-hal ini boleh diatasi dengan tenang dan berhikmah. Masalah-masalah yang mungkin timbul antara masyarakat Islam dan bukan Islam boleh dihadapi dengan masing-masing kembali kepada ajaran agama masing-masing atau melalui penyatuan yang rasional, praktis dan relevan.

#### INTERAKSI KEMANUSIAAN DALAM FIQH AL-TA'AYUSH

Perbahasan ulama berkaitan *fiqh al-ta'ayush* telah memberi jalan kepada kita untuk memperhalusinya dan membina kayu ukur tentang bagaimana sebenarnya berinteraksi sesama manusia sama ada yang segama dengan kita atau sebaliknya. Berdasarkan garis panduan yang telah diberikan dan dan berdasarkan model-model *ta'ayush* yang pernah diamalkan sejak zaman Rasulullah SAW maka bentuk interaksi kemanusiaan seperti yang diterangkan dalam fiqh *al-ta'ayush* boleh dilihat seperti susunan berikut (Ibn Hisyam 1955; Ali Jum'ah. 2011; Ali Jum'ah 2011; Muhammad Khudhari 2019);

##### 1. Ilmu Pengetahuan.

Merupakan perkara paling asas dalam membina hubungan manusia dan kemanusiaan. Ilmu dan pengetahuan yang dimaksudkan dalam konteks ini termasuklah ilmu mengenai al-Quran dan hadis, ilmu mengenai asas-asas agama Islam termasuk akidah, Syariah dan akhlak, ilmu Maqasid Syariah dan Ilmu dakwah. Ilmu dan pengetahuan ini pula mesti dirujuk daripada sumber yang betul dan diyakini bagi mengelak salah faham, kerosakan dan



mengelak daripada bertindak dalam keadaan jahil, sempit serta merosakkan imej agama Islam. Ilmu pengetahuan yang baik akan membentuk kekuatan dalaman kepada seseorang dan sekaligus mampu bertindak dalam keadaan yang rasional, praktikal, tenang dan stabil pada bila-bila masa dan dalam apa jua situasi dan cabaran.

## 2. Keamanan dan kedamaian

Merupakan terma yang harus selalu didahului dalam apa jua suasana dan tindakan. Asasnya adalah kepatuhan kepada prinsip-prinsip asas agama, undang-undang dan perlembagaan negara. Tidak kira sama ada ketika seseorang itu berada dalam keadaan yang dominan atau di bawah tekanan, aksi dan reaksi terhadap persekitaran harus sentiasa meletakkan terma ini sebagai keutamaan. Harus diingat, Rasulullah SAW dalam semua keadaan semasa pemerintahan Baginda, sama ada ketika Islam belum berkembang atau semasa Islam menguasai pemerintahan, keamanan dan kedamaian sentiasa menjadi keutamaan beliau. Lihat sahaja beberapa peristiwa yang pernah berlaku di zaman beliau antaranya adalah peristiwa hijrah. Hijrah merupakan sebahagian dari metod *al-ta'ayush* dengan bukan Islam yang meletakkan keamanan dan kedamaian sebagai teras. Berhijrah dalam konteks itu bermaksud seseorang itu telah memilih menjadi orang asing yang sanggup menanggung kesulitan dengan meninggalkan tanah air demi sebuah kedamaian dan mengelakkan tercetusnya konflik, perselisihan dan peperangan. Hijrah yang dilakukan bukan bermatlamat untuk melarikan diri, sebaliknya ianya sebahagian daripada mekanisme dan bentuk penentangan secara damai, bagi mengelakkan pertembungan dan peperangan dalam negara. Tindakan berhijrah ini juga merupakan sebahagian daripada praktis dan sunnah para nabi terdahulu. Ia dilakukan setelah mereka terlebih dahulu bersabar dan komited mempertahankan akidah walaupun ditentang hebat oleh kaum sendiri. Perihal tersebut telah diceritakan Allah SWT dalam al-Quran melalui kisah-kisah seperti kisah nabi Musa, nabi Lut, nabi Nuh dan nabi Ibrahim AS.

## 3. Lemah lembut

Merupakan metode berkomunikasi yang diajar oleh Allah SWT melalui firmanNya dalam surah Taha ayat 43 hingga 44 yang bermaksud "...Pergilah kamu berdua kepada Fir'aun, sesungguhnya dia telah melampaui batas. Maka berbicaralah kamu berdua

kepadanya dengan kata-kata yang lemah lembut, mudah-mudahan dia ingat atau takut..." Firaun sepertimana yang sedia maklum adalah mewakili satu sosok penting yang kisah mengenainya disebut sebanyak 74 kali dan dalam 27 surah iaitu yang paling banyak disebutkan dalam al-Qur'an dibandingkan kisah-kisah lainnya dari umat terdahulu. Pada sosok ini, terhimpun segala kejahatan yang tidak mampu dijangkai oleh manusia normal sama ada dalam kalangan orang Islam mahupun bukan Islam termasuk perbuatan syirik, pembunuh, takabbur, penindas, pemusnah sistem kemanusiaan dan banyak lagi. Namun, dalam situasi kejahatan yang paling tinggi ini Allah SWT tetap mengarahkan kedua-dua nabinya, Nabi Musa as dan Nabi Haron as. mengajak Firaun dengan cara bijak, halus dan lemah lembut dengan harapan Firaun dan pengikutnya akan menerima ajaran tersebut. Meskipun usaha tersebut dibalas dengan kesombongan Firaun tetapi pengajaran yang boleh diambil daripada kisah ini adalah sangat besar dan sangat signifikan dalam mewujudkan dan mempertahankan kedamaian. Oleh sebab itu, berbicara dengan baik, fasih dan sopan dalam semua urusan interaksi sama ada kepada ahli-ahli masyarakat yang beragama Islam atau ahli-ahli masyarakat yang bukan beragama Islam adalah sebahagian daripada *al-taayush* kita semasa berhubungan dengan manusia. Perbuatan memaki, mengeluarkan kata-kata yang kesat, menghamburkan perkataan-perkataan yang lucah dan melampau adalah suatu yang bertentangan sama sekali dengan ajaran dan prinsip-prinsip Islam.

## 4. Inisiatif yang berterusan

Inisiatif yang berterusan bermaksud usaha yang berterusan, tidak berputus asa, berusaha untuk mula beraksi dan bereaksi daripada diri sendiri untuk merapatkan jurang hubungan di antara sesama manusia termasuk dengan yang bukan Islam. Inisiatif mengadakan perbincangan dan dialog mesti diadakan dari semasa ke semasa daripada pelbagai peringkat mengikut tahap kemampuan masing-masing. Dalam hal ini beberapa peraturan perlu diasuh seperti sikap rasional, praktikal, sabar, berlapang dada dan bersedia menerima perbezaan pandangan. Apa yang penting di sini adalah memenuhi dan menunaikan janji setelah semua keputusan yang telah dipersetujui. Amalan ini sabit dalam sebuah hadis Rasulullah SAW yang dihimpunkan dalam Jami'e al-Tirmizi, bab Ma Jaa Fi al-Ghadr, no. Hadith 1580 yang bermaksud,

“...Barang sesiapa yang telah melakukan perjanjian dengan sesusatu kaum, maka jangan sesekali dia merungkai (membatalkan) dan meperketatkan perjanjian yang telah dibuat sehingga tempoh perjanjian berakhir, atau membuang perjanjian sebagaimana mereka lakukan...”

## 5. Mesra

Mesra dalam konsteks ini adalah berusaha mewujudkan kemesraan melalui ucapan-ucapan tahniah, ucapan takziah, memberi dan menerima hadiah, ziarah menziarahi dalam keadaan susah dan ketika senang dan yang lain-lain yang seumpama dengannya. Amalan ini adalah suatu yang diharuskan oleh syarak dan disebut dalam firman Allah SWT dalam surah surah al-Mumtahinah ayat 8 yang bermaksud “...Allah tidak melarang kamu daripada berbuat baik dan berlaku adil kepada orang-orang yang tidak memerangi kamu kerana agama (kamu), dan tidak mengeluarkan kamu dari kampung halaman kamu; sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berlaku adil...” dan beberapa hadis Nabi SAW antaranya termasuklah hadis yang diriwayatkan oleh Saiyyidina Anas bin Malik RA dalam sebuah hadis yang dihimpunkan dalam Sohih al-Bukhari, Kitab al-Janaiz, no. Hadith 1302 yang bermaksud,

“...Dari Anas bin Malik: Sesungguhnya seorang pemuda Yahudi yang menjadi pelayan Nabi SAW telah ditimpa sakit, lalu baginda Nabi SAW datang mengziarahinya dan duduk dekat dengan kepalanya seraya bersabda kepadanya: Masuklah dalam agama Islam! lalu lelaki tersebut menoleh kepada bapaknya yang ada berdekatan dengannya. Lalu berkatalah (bapaknya); Taatilah Aba al-Qasim. Lalu dia masuk Islam. Setelah itu Nabi SAW keluar dengan bersabda: Segala puji bagi Allah yang telah menyelamatkannya dari neraka...”

Dan dalam sebuah hadis lagi yang diriwayatkan oleh Abi Hamid al-Sa’idi RA. Dalam hadis ini Abi Hamid menceritakan bahawa Rasulullah SAW telah dihadihkan dengan seekor baghal putih oleh Raja Ailah semasa peperangan Tabuk. Cerita ini sabit dalam sebuah hadis yang dihimpunkan dalam Sahih al-Bukhari, Kitab al-Jizyah, no. Hadith 3017 yang bermaksud,

“...Diriwayatkan oleh Abu Humaid As-Saidi: Kami menemani Nabi SAW di peperangan Tabuk dan raja ‘Aila menghadihkan keldai putih dan jubah sebagai hadiah kepada Nabi SAW. Dan Nabi SAW menulis kepadanya perjanjian damai yang memungkinkannya untuk tetap berkuasa atas negaranya...”

Kaedah berinteraksi seperi yang disebutkan di atas adalah kesimpulan yang dibuat daripada perbincangan ulama mengenai hukum aksi dan reaksi

manusia dalam membina dan mempertahankan hubungan kemanusiaan. Tidak kira sama ada hubungan tersebut berlaku di antara orang Islam dengan orang Islam atau orang Islam dan bukan Islam, kesemuanya perlu dilayan dengan baik dan adil sebagai makhluk Allah SWT yang memiliki fungsi tersendiri di atas muka bumi ini. Perbezaan adalah hakikat yang tidak boleh dielakkan. Ia berlaku dengan ketentuan dan kehendak Allah SWT. Allah SWT memberikan hak ini kepada semua makhluknya termasuk bukan Islam dan mesti dilindungi dan dihormati selagi mana mereka tidak memerangi Islam. Muhyi al-Din (2019) menegaskan bahawa hubungan antara sesama manusia dalam Islam terbina di atas dasar kasih sayang (mawaddah) dan belas kasihan (rahmah), di mana persahabatan, kerjasama dan saling melengkapi merupakan prinsip asas bagi hubungan sesama manusia. Tidak ada kedamaian tanpa kasih sayang, cinta dan keinginan untuk membina jambatan yang menghubungkan antara manusia. Sehubungan itu, sebarang bentuk kebencian dan perkara yang menjadi penyebab kepadanya perlu ditolak dan dihindari. Syariat ini sekaligus membuktikan ketinggian semangat membentuk hubungan antara manusia yang berbeza adalah suatu tuntutan yang mesti dilaksanakan (Muhyi al-Din 2019), sesuai dengan firman Allah SWT dalam surah Hud 118 hingga 119 yang bermaksud,

“...Dan kalaulah Tuhanmu (wahai Muhammad) menghendaki, tentulah Ia menjadikan umat manusia semuanya menurut agama yang satu. (Tetapi Ia tidak berbuat demikian) dan kerana itulah mereka terus-menerus berselisihan. Tetapi orang-orang yang telah diberi rahmat oleh Tuhanmu, (mereka bersatu di dalam agama Allah); dan untuk (perselisihan dan rahmat) itulah Allah menjadikan manusia. Dan dengan yang demikian sempurnalah janji Tuhanmu: Sesungguhnya Aku akan memenuhi neraka Jahannam dengan sekalian jin dan manusia (yang berdosa) ...”

Disiplin dalam fiqh *al-taayush* sebagaimana yang digambarkan di atas adalah syariat yang mengharuskan kita meraikan hubungan sesama manusia termasuk dengan bukan Islam. Namun ini tidak bermaksud kita boleh berkompromi dalam perkara-perkara asas yang telah menjadi prinsip dalam agama Islam seperti akidah dan perkara-lain yang bersiat tetap (qat’ie) dalam agama (Ali Jum’ah 2011; Zulkifli Mohammad 2018). Pada masa yang sama, sebagai umat Islam kita sangat yakin bahawa di sebalik arahan, suruhan, perintah dan larangan Allah SWT sama ada melalui firmanNya atau melalui hadis-hadis Nabi SAW ada kekuatan dan hikmah yang tertentu dan tersendiri yang

pada kebanyakan masa diluar jangkauan rasional manusia. Kaedah-kaedah yang diterangkan di atas sekaligus menjelaskan kepada kita bahawa perkara-perkara yang bertentangan dengannya adalah suatu yang dilarang menuru al-Quran dan hadis. Dalam Islam, agama Islam itu mudah dan mengutamakan kebahagiaan. Kebahagiaan di sini adalah melalui pemeliharaan kemaslahatan dan kesenangan untuk semua makhluk, bukan ideologi-ideologi tertentu, bangsa-bangsa tertentu atau agama-agama tertentu. Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 185 yang bermaksud,

“...Allah menghendaki kamu beroleh kemudahan, dan Ia tidak menghendaki kamu menanggung kesukaran...”.

Fakta yang menyatakan kepentingan memelihara kemaslahatan dan kesenangan ini tidak hanya terhad kepada umat Islam boleh dilihat pada firman Allah SWT dalam surah al-An’am ayat 108 yang bermaksud,

“...Dan janganlah kamu memaki *ilah-ilah* yang mereka ibadahi selain Allah, karena mereka nanti akan memaki Allah dengan melampaui batas tanpa pengetahuan. Demikianlah Kami jadikan setiap umat menganggap baik pekerjaan mereka. Kemudian kepada Rabb merekalah kembali mereka, lalu Allah memberitakan kepada mereka apa yang dahulu mereka kerjakan...”

Firman Allah ini merujuk kepada larangan Allah SWT kepada RasulNya dan orang-orang mukmin secara keseluruhan agar menjaga sensitiviti ketika berurusan dengan masyarakat bukan Islam. Antara sensitiviti tersebut termasuklah perkara-perkara yang menyentuh tentang sembah mereka, perayaan mereka dan kepercayaan mereka. Dalam konteks ini umat Islam dilarang memaki, menggunakan kata-kata kesat atau melakukan tindakan-tindakan yang keras terhadap mereka sekalipun dengan tujuan kemaslahatan. Sesungguhnya kemaslahatan yang diperoleh melalui cara tersebut hanya mengundang kerosakan yang lebih besar iaitu tindak balas yang dilakukan oleh mereka terhadap agama Islam. Seperti yang diriwayatkan oleh Ali ibnu Abu Talhah, dari Ibnu Abbas sehubungan dengan asbabun nuzul ayat ini. Disebutkan bahwa orang-orang musyrik berkata, “Hai Muhammad, berhentilah kamu dari mencaci tuhan-tuhan kami; atau kalau tidak berhenti, kami akan balas mencaci maki Tuhanmu.” Maka Allah melarang kaum mukmin mencaci berhala-berhala sembah kaum musyrik karena mereka nanti akan memaki Allah dengan melampaui batas tanpa pengetahuan (Ibnu Kathir 1988). Firman Allah SWT

dalam surah ini bertepatan sekali dengan sebuah hadis nabi yang bermaksud, dari Abdullah bin Amru bin al-Ash RA, dia berkata: bahawa Rasulullah SAW bersabda, “Diantara dosa-dosa besar iaitu, seorang mencela kedua orang tuanya.” Ditanyakan pada beliau, “Mungkinkah seorang itu mencela kedua orang tuanya sendiri?” Rasulullah SAW bersabda, “ Ya, tatkala seseorang mencela ayah orang lain, bererti ia mencela ayahnya sendiri demikian jika ia mencela ibu orang lain, bererti ia mencela ibunya sendiri.”

Apa yang hendak disentuh pada naratif di atas adalah keluasan rahmat Allah SWT berada di luar jangkauan manusia, jauh daripada apa yang manusia boleh fikirkan dan meliputi semua makhluk yang ada di muka bumi ini. Rahmat Allah SWT tidak terhad kepada individu-individu tertentu sahaja meskipun individu tersebut seorang yang sangat alim atau kumpulan-kumpulan tertentu sahaja meskipun perjuangan kumpulan tersebut untuk menegakkan kalimah Allah atau negara-negara tertentu meskipun negara tersebut meletakkan Islam sebagai asas pemerintahan. Termasuk dalam rahmat Allah SWT juga adalah kewujudan masyarakat yang berbilang bangsa, agama dan budaya. Kepelbagaian ini mengundang kepelbagaian bertindak dan berfikir sekaligus merangsang manusia untuk mencipta dan memperoleh kreativiti bagi membina hidup bersama secara aman dan harmoni. Dan salah satu daripada kreativiti tersebut adalah perbahasan mengenai fiqh *al-ta’ayush*, suatu susunan hukum atau peraturan yang menyentuh tentang bagaimana menjalani hidup bersama orang lain termasuk masyarakat bukan Islam. Ilmu fiqh *al-ta’ayush* sebagaimana yang terdapat dalam model IKLIM di atas juga membolehkan kita mengenalpasti perwatakan ekstrem yang menjadi identiti kepada ekstremis. Antaranya termasuklah (al-Qardhawi 1990; Ali Jum’ah 2011; Ali Jum’ah 2017; Aizam Masud 2019; Wan Ruzailan 2021),

#### 6. Jahil.

Jahil dan tidak berusaha menutup kejahilan. Watak ini boleh dilihat dengan mudah pada perkataan-perkataan dan hujah-hujah yang dilafazkan oleh seseorang semasa berinteraksi. Mereka lazimnya melafazkan perkataan mengikut nafsu, rasional atau kepentingan mereka atau kumpulan yang mereka wakili tanpa menepati mana-mana hujah daripada sudut agama atau rasional kemanusiaan. Dalam hal

ini juga, mereka lazimnya tidak mengendahkan sebarang kata-kata dan pandangan yang benar yang cuba membetulkan pandangannya.

#### 7. Dominan.

Lanjutan daripada sifat jahil. Watak eksterimis boleh dikesan melalui sifat dominasi mereka atau berusaha mendominasi orang lain dengan menggunakan pelbagai kaedah dan mekanisme yang tidak praktikal termasuk menggunakan kekerasan. Melalui sikap ini mereka akan mewajibkan orang lain dengan sesuatu yang tidak diwajibkan oleh Allah dan mengambil sikap keras dengan menolak sifat kelapangan dan keringanan. Amalan ini bertentangan sama sekali dengan prinsip ahli Sunah Waljamaah yang meletakkan perbincangan (musyawarah) sebagai kunci utama untuk menyelesaikan sesuatu masalah.

#### 8. Keras.

Dalam usaha untuk menguasai dan memiliki suasana, ekstremis akan bersikap kasar pada bukan tempat dan masanya. Mereka juga lazimnya akan mengabaikan aspek-aspek teras dan memberi tumpuan atau memperbesar-besarkan masalah-masalah cabang (furuk') dan perkara yang diperselisihkan (khilafiyah). Sikap keras ini juga boleh dilihat melalui komunikasi mereka yang kasar sama ada dalam penulisan, pergaulan mahupun pun tutur kata.

#### 9. Fanatik.

Kasar dan keras ini membentuk individu yang berwatak ekstrem bersikap fanatik terhadap diri sendiri dan kumpulan mereka. Merasakan diri lebih baik daripada orang lain dan gemar merendahkan mereka yang berbeza aliran dengannya. Mereka atau kumpulan mereka juga gemar meletakkan prasangka buruk pada orang lain atau yang tidak sependangan dengan mereka melalui tuduhan-tuduhan tidak berasas, menyembunyikan kebaikan-kebaikan lawannya dan pada waktu yang sama membesar-besarkan kesalahan lawannya.

#### 10. Label

Sifat merasakan diri lebih baik atau hanya diri dan kumpulan yang diwakili sahaja yang benar dan "Islam" menjadikan individu dalam ideologi ini gemar meletakkan label kepada orang lain.

Kesan dari kejahilan ini juga, gelaran-gelaran seperti kufur, kafir, syaitan, liberal dan macam-macam lagi diletakkan kepada mereka yang tidak setuju dengan pandangan mereka atau yang tidak berbaiah dalam jemaah mereka. Sehingga ke satu peringkat, individu yang memiliki watak ekstrem ini sanggup menghalalkan darah dan harta benda lawannya demi kepentingan peribadi dan Jemaah yang berkompromi dengan mereka.

Jelasnya, semua kelima-lima sifat ini bertentangan sama sekali dengan amalan dan sikap yang dianjurkan oleh Islam sepertimana yang dibahaskan dalam fiqh *al-taayush*. Aksi dan reaksi seperti ini yang menjadi punca kepada permasalahan yang lebih besar dan merbahaya kepada agama, individu, dan negara. Pemikiran dan kefahaman ini berpunca apabila manusia membebaskan diri mereka daripada prinsip dan ajaran Islam yang benar atau mentafsirkan prinsip dan ajaran tersebut berasaskan pemikiran yang bebas, terbuka dan mengikut rasional sendiri. Lebih merbahaya apabila, individu yang berwatak seperti ini tampil menggunakan Islam untuk memenuhi kehendak dan kepentingan peribadi atau kelompok tertentu. Oleh sebab itu, kefahaman dan kepekaan kita terhadap watak-watak seperti ini penting dan menjadi pencetus kepada tindakan-tindakan yang lebih kolektif, strategik dan sistematik bagi mengelak berlakunya peristiwa-peristiwa yang lebih teruk seperti radikalisme dan terrorisme.

### KESIMPULAN

Secara keseluruhan, fiqh *al-ta'ayush* selain daripada anjuran berbentuk keilmuan dan disiplin keagamaan, ia juga membentuk tingkahlaku manusia agar sentiasa bertindak mengikut batas-batas yang disyariatkan, berfikiran secara rasional dengan mengikut lunas-lunas kemanusiaan dan mengambil berat faktor agama dalam semua keadaan sama ada ketika berfikir, ketika menentang, ketika bertindak dan ketika menyebarkan dakwah Islam. Namun mengharap kepada disiplin ilmu ini semata-mata untuk menyelesaikan masalah ekstrem adalah sukar memandangkan penyebaran fahaman ini telah berakar umbi dan sering bersembunyi di

sebalik propaganda yang diaturkan oleh individu atau kumpulan yang memiliki agenda-agenda yang tersendiri. Oleh sebab itu, mekanisme menanganinya sikap ini harus bersifat kolektif dan memerlukan kerjasama semua pihak. Individu, masyarakat, institusi agama, agensi media dan kerajaan harus duduk berbincang bagaimana untuk mencari penyelesaian yang terbaik dalam menangani dan membendung aksi dan reaksi seperti ini. Dalam hal ini, adalah sangat penting, setiap umat Islam sentiasa bermuhasabah bagi membaiki diri sendiri dan berusaha bersungguh-sungguh meningkatkan kualiti diri melalui pembacaan dan penerokaan terhadap ilmu-ilmu yang terkandung dalam al-Quran dan hadis. Fahami dan hayati dengan baik prinsip-prinsip ahli Sunah Waljamaah. Sentiasa berinteraksi dengan ilmuan dan agamawan jika terdapat sesuatu yang baru dan mencurigakan. Beri kerjasama dan sumbangan kepada institusi agama pada semua aspek bagi mengukuhkan kerukunan dan keharmonian beragama di Malaysia.

#### PENGHARGAAN

Artikel ini merupakan sebahagian daripada hasil kajian projek penyelidikan yang dijalankan melalui peruntukan geran penyelidikan Universiti Kebangsaan Malaysia DCP-2017-009/3.

#### RUJUKAN

- Abdullah Basmeih Muhammad Basmeih. 1998. *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman kepada Pengertian Al-Qur'an*. Kuala Lumpur: Darul Fikir.
- Abdul Malik Abdul Karim Amrullah (HAMKA). 1984. *Tafsir Al-Azhar*. Indonesia: PT. Pembimbing Masa.
- Ahmad Munawar dan Siti Madihah Kamaruddin. 2020. Reaksi masyarakat Islam di Malaysia terhadap ekstremisme. *Islamiyyat* 42(1): 103 – 112.
- Ali Jum'ah. 2011. Al-Ta'ayush bain al-Muslimin wa Ghairihim, Dar al-Ifta' al-Masriyyah. No. siri fatwa: 2424, 16 Ogos 2011.
- Ali Jum'ah. 2013. *al-Namuzaj al-Arbaah Min Hady al-Nabi SAW fi al-Taayush Ma'a al-Akhar: al-Usus wa al-Maqasid*. Giza, Egypt.: Dar al-Faruq Lilistithmarat al-Thaqafiyyah.
- Ali Jum'ah. 2017. *al-Ta'ayush ma'a al-Akhar fi Daw' al-Sirah al-Nabawiyah al-Usus wa al-Maqasid*. Kaherah: Buruj books.
- Al-Barudi, Saud Abd al-'Ali. 2006. *Al-Mausu'ah al-Jina'iyah al-Islamiyyah al-Maqaranah bi al-inzimah al-ma'mul fi al-mamlakah al-'Arabiyah al-saudiyyah*. Riyadh: Faru' al-Manteqah.
- Bartoli, Andrea, and P. Coleman. 2003. Dealing with extremists. Beyond Intractability Burgess, Conflict Research Consortium, University of Colorado, Boulder. Diakses dari <http://www.beyondintractability.org/essay/dealing-extremists> [15 Jan 2021].
- Elias A. Elias & Edward E Elias. 1913. *Elias Modern Dictionary*. Ain Shams East. Kaherah.
- Ibrahim Anis et.al. 2004. *Al-Mu'jam al-Wasit*. Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah.
- Ibrahim Mustafa. 1972. *Al-Mu'jam al-Wasit*. Beirut: Dar Ihya Turath al-Arabi.
- Ibn Faris, Abu al-Husayn Ahmad, Mu'ajam Maqayis al-Lughah. 1979. Vol. 6. Beirut: Dar al-Fikr,
- Ibnu Hajar al-Asqalani. 1988. *Fathul al-Bari Sharh Sahih al-Bukhari*. Kaherah: Dar al-Rayyan li al-Turath,
- Ibn Hisham, Abu Muhammad Abdul Malik. 2009. *Sirah Nabawiyah Ibnu Hisham*. (Terj.). Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publications.
- Ibn Kathir, Ismail Ibn Umar. 1988. *Tafsir al-Quran al-Azim/imad al-Din Abu al-Fida' Ismail*. al-Qahirah: Dar al-Hadis
- Ibn Manzur, Jamaluddin Muhammad ibn Mukarram ibn Ali. 1994. *Lisan al-Arab*. Cet.3 Beirut: Dār al-Fikr.
- Ibn Qayyim al-Jauziyyah, Muhammad bin Abu Bakr. 1995. *Ahkam Ahl al-Zimmah*. Bayrut, Lubnan. Dar: al-Kutub Ilmiyyah.
- IYRES, Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia. 2017. *Garis Panduan Pencegahan Fahaman Radikalisme dan Ekstremisme dalam Kalangan Belia dan Masyarakat*. Putrajaya, Malaysia: Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES).
- Kanade, Nikhil. 2016. *Tracing Islamic Extremist Ideologies: The Historical Journey of Jihad from The Late Antique Period to the 21st Century*. Unpublished Senior Thesis. California LA: Claremont Colleges.
- Kartini Aboo Talib @ Khalid, Muhammad Helmy Abd. Gapor & Ahmad Munawar Ismail. 2019. Ekstremisme: Maksud dan konteks keganasan. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies* 46 (2): 150-177.
- Noresah Baharom. 2007. *Kamus Dewan*. Ed. ke-4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kennedy, R.F. 2011. Introduction. Dlm. *Extremism*, disunting oleh Wills, L. New York: Gale Cengage Learning.
- Levesque, R. J. R., ed. 2011. *Encyclopedia of Adolescence*. Verlag, New York: Springer International Publishing
- Laurie Willis. 2011. *Extremism*. New York: Greenhaven Press.
- Mohd Aizam Masud. 2019. Ekstremisme dan Rehabilitasi Ekstremis daripada Perspektif Agama, Bangi. [Temubual 26 Oktober]
- Mohd Faizal Abdul Khir, Muhammad Syahid Ahmad, Mohd. Khairul Nizam Zainan Nazri. 2015. Sustaining tolerance according to Brenda Almond's "Education for Tolerance": An analysis from Islamic perspective. *IOSR Journal of Humanities and Social Science* 8 (20): 46-50.

- Mohd Roslan Mohd Nor. 2015. Ekstremisme rentas agama dan tamadun. Dlm. *Aplikasi Fiqh Al-Ta'ayush yang Berorientasikan Prinsip Wasatiyyah dalam Membina Keharmonian Masyarakat Majmuk di Malaysia*, disunting oleh Abdul Karim Ali & Mohd Roslan Mohammad Naqib Hamdan et al. Kertas Seminar Peradaban Islam 2018, Institut Islam Hadhari, UKM: 14-15 November 2018.
- Mohd Zuhdi Ahmad Khasasi, Ahmad Dahlan Salleh & Mohammad Zaini Yahaya. 2020. Seruan Melestarikan Hubungan Sosio-Agama Melalui Pendekatan Fiqh al-Ta'ayush. *Akademika* 90 (2): 149-164
- Muhyiddin 'Afifi. 2015. Al-Muwathananh wa al-Ta'ayush al-Silmy fi Manzur al-Islam. Dlm. *Min A'mal Muktamar al-Azhar al-'Alami li Muwajahati al-Tatharruf wa al-Irhab*, 263-282. Dar al-Qus al-'Araby al-Qhahirah.
- Muhammad Ikhlas R., Abdul Karim A., Muhammad Safwan H., Saiful Islam N. M. Z. 2019. Pendekatan Wasatiyyah dalam al-Ta'ayush. Masyarakat Majmuk di Malaysia: Satu tinjauan. *Jurnal Ilmi* 19(1): 81-89.
- Muntaha Artalin Zaim .2017. Qadhaya al-Ta'ayush bain al-Muslimin wa Ghairihim fi al-Waqie -Ijtimai' wa al-Siasi al-Muasir: Dirasah Fiqhiyyah Ta'siliyyah fi Dhaw Maqasid al-Shariah. *At-Tajdid* 24(41b): 117- 222.
- Mona Ahmad Jalaluddin .2006. al-Ta'ayush Ma'a al-Akhar. Haqiqah tarikhyyah wa Dharurarah Waqi'yyah. Kertas Muktamar Tahunan ke-2, Nahn wa al-Akhar. 6-8 Mac 2006. Kuwait
- Mustafa Sano. 2006. Fi al-tawasul Ma'a al-Akhar: Ma'alim wa Thawabit wa Wasail. Kertas Muktamar Tahunan ke-2, Nahn wa al-Akhar. 6-8 Mac 2006. Kuwait.
- Oxford Dictionaries, Ogos 2018. <https://en.oxforddictionaries.com/definition/liberal>. Oxford University Press.
- Perlembagaan Persekutuan. 2003. Intenational Low Book Services.
- Al-Qardhawi, Yusuf. 1983. *Ghair al-Muslimin fi al-Mujtama' al-Islami*. Beirut: Muassahah al-Risalah.
- Al-Qardhawi, Yusuf. 1990. Islamic awakening between rejection & extremism, Ed. A.S Al-Shaikh Ali & Mohamed B. E. Wasty. Herndon: American Trust Publication & The International Institute of Islamic Thought.
- Al-Qardhawi, Yusuf. 2001. *Fi Fiqh al-Aqaliyyat al-Muslimah*. Al-Qaherah: Dar al-Syuruq.
- Al-Qurtubi, Ahmad Muhammad. 2006. *Al-Jami' Li Ahkam Al-Quran*. Bairut, Lubnan: Muassasah al-Risalah.
- Roger Scruton. 1982. *A Dictionary of Political Thought*. London: Macmillan Press.
- Scarcella, A., Page R, Furtado V. 2016. Terrorism, radicalisation, extremism, authoritarianism and fundamentalism: A systematics review of the quality and psychometric properties of assessments. *PLoS ONE* 11(12): e0166947 <https://doi.org/10.1371/journal.pone.0166497> [5 Februari 2019].
- Al-Tabari, Abu Ja'far Muhammad bin Jarir. 2007. *Tafsir al-Tabari*. Jakarta: Pustaka Azam
- Wan Ruzailan Wan Mat Rusoff. 2021. Rehabilitasi dan deradikalisasi pesalah ekstrem di Malaysia. Bangi [Temubual 3 dan 4 Febuari]
- Zulkifli Mohammad. 2018. Konsep Fiqh al-Taayush Isu di Malaysian dan penyelesaian, <http://muftiwp.gov.my/ms/artikel/bayan-linnas/2826-bayan-linnas-sirike-155-konsep-fiqh-ta-ayush-isu-di-malaysia-dan-penyelesaiannya> [20 Jan 2020]

#### PENGARANG

Ahmad Munawar Ismail  
Pusat Kajian Usuluddin dan Falsafah  
Fakulti Pengajian Islam  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
munawar@ukm.edu.my

Abdul Muhaimin Mahmood  
Cawangan Kajian Syariah  
Bahagian Penyelidikan,  
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)  
p107167@siswa.ukm.edu.my

Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim  
Pusat Kajian Syariah  
Fakulti Pengajian Islam  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
izhar@ukm.edu.my